

RADIO KAMPUS UUM

ASAHA BAKAT PELAJAR

UUM/5548/Hm/13.02.2005/P: 48(1),

leh NORAINON OTHMAN
rainon@hmetro.com.my

Hm 13/2/2005 48:1

Dalam usia
setahun
penubuhan
kini sudah
ada 15,000
pendengar

MENJADI deejay radio bagi penuntut universiti bukan sesuatu yang asing kerana kebanyakan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kini mempunyai radio kampus masing-masing.

Namun, selepas melalui uji bakat, tidak semua terpilih kerana hanya yang benar-benar berbakat diberi kepercayaan mengendalikan konti selepas melalui peringkat saringan.

Radio uniutama.fm milik penuh Universiti Utara Malaysia (UUM) mula beroperasi pada 1 Januari 2004 dan siarannya boleh diikuti menerusi laman web universiti, www.uum.edu.my. Walaupun baru setahun jagung, jumlah pendengarnya kini 15,000 orang.

Bagi penuntut tahun dua fakulti pengajian antarabangsa, Mior Abdul Malek Raiyani, terpilih menjadi deejay radio

kampus ketika sesi uji bakat memberinya peluang mengembangkan bakat dalam bidang penyiaran.

Menurutnya, sebelum ini dia sering menjadi pengacara majlis dan apabila terbaca iklan universiti yang menawarkan uji bakat menjadi deejay, dia mencuba nasib.

Ditanya apakah kekuatan yang ada padanya yang memungkinkan dia terpilih ketika uji bakat, Mior berkata, dia per-

caya kebolehannya untuk bercakap atau bertanya secara spontan memberi kelebihan kepadanya sebagai deejay.

Promosi projek

"Ketika semester pertama radio kampus ditubuhkan, saya diberi kepercayaan mengendalikan segmen Anda Bersama UUM yang memberi saya peluang menemubual naib kanselor, dekan dan pengarah projek yang ingin mengadakan pro-



MIOR...satu cabaran.

mosi projek.

"Bagi semester ini, saya mengendalikan tiga segmen iaitu Indahnya Laman (mengenai landskap), Pilihan Anda (permintaan lagu dari penuntut UUM) dan Anda Bersama UUM.

"Antara cabaran saya ketika di konti ialah masalah atau kesilapan teknikal seperti komputer tiba-tiba terpadam atau tersasul. Itu perkara biasa yang saya hadapi. Apapun, saya segera memohon maaf kepada pendengar," katanya.

Dia berterima kasih kepada penerbit rancangan yang banyak memberi tunjuk ajar mengendalikan konti seperti memperbetulkan kesilapan bahasa atau cara menangani masalah teknikal di konti.

Sementara itu, Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri, ketika merasmikan pelancaran logo Radio uniutama.fm baru-baru ini, berkata radio itu berjaya menjadi satu sumber maklumat kepada warga kampus.

"Radio uniutama.fm menyediakan satu siaran berinformasi serta memberi input keilmuan kepada warga UUM. Di samping itu, ia melatih mahasiswa yang berminat dalam bidang penyiaran untuk mempromosikan kemahiran yang dipelajari di universiti," katanya.

Teks ucapannya dibacakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof Madya Abdul Halim Ahmad.

Katanya, radio uniutama.fm akan mengemaskini hala tuju dan menilai semula rancangan yang disiarkan supaya menepati kehendak pendengar serta berkualiti.

Radio kampus yang beroperasi selama lima jam bermula 10 pagi hingga 3 petang dari Ahad hingga Khamis di studio

Jabatan Penerbitan dan Teknologi Media (JPTM), UUM itu dikendalikan 16 juruhebah di kalangan pelajar pelbagai fakulti di universiti itu dan mereka bertugas secara sukarela.

Di majlis itu, beliau turut menyampaikan hadiah kepada pemenang pencipta logo radio itu, Ahmad Nurzid Rosli, pelajar program Sarjana Sains Teknologi Maklumat, UUM yang memenangi hadiah wang tunai RM300 dan sijil penghargaan.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UUM, Dr Abdul Halim Ahmad; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Zaini Nasri dan Pengarah Pusat Budaya dan Seni UUM, Huzaidy Hussain.

Penuntut tahun dua, Fakulti Sains Kuantitatif, jurusan Sains Pemutusan, Farhana Rosly, berkata sikapnya yang suka bercakap mendorongnya menyertai uji bakat deejay radio kampus setahun lalu.

"Pada mulanya, saya kekok antara mengawal muzik dengan bercakap, tetapi apabila berjaya menguasai konti, saya mula seronok menjadi deejay," katanya.

Cabaran dihadapi ialah membahagikan masa antara kuliah dengan tugas sebagai deejay.

"Ketika mengendalikan rancangan di konti, saya pastikan fikiran sentiasa tenang dan da-

pat mengawal emosi. Ini kerana jika terbawa-bawa perasaan resah, pastinya seseorang deejay tidak mampu menceriakan pendengarnya," katanya.

Farhana tidak berhasrat menjadi deejay sebagai kerjayanya pada masa depan, sebaliknya sebagai hobi.

Penuntut Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-Undang, Erna Shafani Abd Rahman, berkata peluang menjadi deejay radio kampus memberinya peluang belajar berkomunikasi dengan orang lain tidak kira peringkat umur dan pengalaman ini berguna sebagai persediaan menghadapi alam pekerjaan.

Menurutnya, tugas sebagai deejay tidak mengganggu tanggungjawabnya sebagai penuntut kerana waktu untuk ke udara adalah fleksibel mengikut perjalanannya.

Katanya, jika tidak bekerja dalam bidang pengurusan awam dan undang-undang, dia mungkin memilih bidang komunikasi atau penyiaran sebagai kerjaya.